

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014

SOALAN :

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah Kementerian mempunyai pendekatan baru dan strategi yang lebih berkesan dalam menangani kempen oleh pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGOs) luar negara yang terus menerus menghentam industri kelapa sawit sebagai antara penyebab utama **masalah perubahan iklim global.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya segelintir Pertubuhan Bukan Kerajaan (*Non Governmental Organisations – NGO*) alam sekitar terutamanya di negara-negara barat yang menjalankan kempen anti minyak sawit yang memberi gambaran tidak tepat terhadap pembangunan industri sawit. Antaranya ialah mengenai keluasan kawasan tanaman sawit yang memberi impak kepada pelupusan kawasan hutan dan habitat hidupan liar, serta kesannya kepada alam sekitar.

Oleh yang demikian, Kementerian telah melaksanakan usaha-usaha untuk menangkis segala tohmahan dan isu dalam kempen-kempen anti sawit oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, antaranya seperti berikut:

- i. Meneruskan misi-misi teknikal dan promosi ke luar negara bagi menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak termasuk dakwaan tidak tepat dalam kempen anti minyak sawit. Pada tahun 2014, sebanyak empat (4) misi ekonomi telah diadakan dan pada bulan Disember tahun ini, satu lagi misi ke Eropah akan diadakan;
- ii. Melaksanakan pelbagai seminar dan perbincangan dengan para penggubal dasar di negara-negara pengguna tentang nilai nutrisi dan kebaikan minyak sawit kepada kesihatan serta kemampuan pengeluarannya. Di antara program yang telah dilaksanakan

adalah sesi penerangan kepada ahli-ahli Parlimen di Brussel dan juga perbincangan dengan pengguna utama minyak sawit di Belgium, Perancis, Jerman dan Rusia;

- iii. Mengadakan kerjasama dua hala dengan penyokong minyak sawit seperti *European Palm Oil Alliance* (EPOA);
- iv. Mengambil tindakan undang-undang di mahkamah perdagangan di negara-negara di mana minyak sawit didiskriminasikan. Misalnya, Kementerian melalui Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) akan memfailkan kes di Mahkamah Perdagangan di Perancis pada bulan Disember 2014 terhadap syarikat Pasaraya Casino di Perancis yang mengedarkan produk-produk makanan dengan label "*No Palm Oil*"; dan
- v. Mengkaji peruntukan-peruntukan di bawah Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) mengenai isu ini dan merangka tindakan perundangan susulan dengan kerjasama pihak-pihak berkuasa yang terlibat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain daripada itu, bagi memperkukuhkan imej industri sawit negara, pendekatan baharu yang dilaksanakan termasuk:

- i. Melaksanakan pensijilan minyak sawit mampan melalui *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO). MSPO dibangunkan dengan mengambil kira peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan dalam negara berkaitan dengan pembangunan dan

pengurusan tanaman sawit secara mampan. Pensijilan ini akan dilaksanakan secara sukarela mulai tahun 2015 dan akan dipertimbangkan pelaksanaan secara mandatori selepas 5 tahun;

- ii. Menerbitkan hasil kajian terhadap penilaian kitar hidup (*Life Cycle Assessment – LCA*) ke atas tanaman sawit dalam jurnal-jurnal antarabangsa. Kajian ini menunjukkan bahawa produk sawit seperti biodiesel sawit menyumbang kepada pengurangan pelepasan Gas Rumah Hijau; dan
- iii. Menjenamakan minyak sawit Malaysia dari sudut kemampuan dan kandungan nutrisinya di pasaran-pasaran utama di Eropah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Industri sawit merupakan salah satu tonggak ekonomi negara dan hampir 40% daripada tanaman sawit dipelopori oleh sektor pekebun kecil. Oleh yang demikian, Kementerian sentiasa mengambil tindakan-tindakan proaktif bagi memastikan pertumbuhan industri ini tidak terjejas dengan dakwaan-dakwaan yang tidak berasas oleh NGOs.

Sekian, terima kasih.